

# Terima kunjungan hormat

Oleh : Dk. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad  
Foto : Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Selasa, 10 Disember. - Menteri Pertahanan Kedua, Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Awang Halbi bin Haji Mohd. Yussof menerima kunjungan hormat daripada Pemerintah Special Operations Command, Pacific, Amerika Syarikat, Mejar Jeneral Jonathan P. Braga.

Kunjungan hormat diadakan di Bangunan Kementerian Pertahanan, Bolkiah Garison.

Semasa kunjungan hormat tersebut, kedua belah pihak telah mengesahkan hubungan mesra yang terjalin di antara kedua belah negara dan kerjasama yang sangat baik terutamanya dalam bidang pertahanan dan ketenteraan.

Kedua belah pihak juga berpuas

hati dengan status kerjasama pertahanan dan ketenteraan yang sedia ada, khususnya dengan latihan CARAT (Cooperation Afloat Readiness and Training) Kali Ke-25 yang telah dilaksanakan dengan jayanya pada 22 hingga 31 Oktober lalu serta peluang latihan bagi angkatan tentera.

Mejar Jeneral Jonathan P. Braga telah mengambil alih jawatan sebagai Pemerintah Special Operations Command Pacific (SOCPAC) pada 27 Julai 2018.

Negara Brunei Darussalam dan Amerika Syarikat telah menubuhkan hubungan pertahanan dua hala melalui penandatangan Memorandum Persefahaman dalam Kerjasama Pertahanan pada 29 November 1994.



**MENTERI** Pertahanan Kedua, Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Awang Halbi bin Haji Mohd. Yussof menerima kunjungan hormat daripada Pemerintah Special Operations Command, Pacific, Amerika Syarikat, Mejar Jeneral Jonathan P. Braga. Kunjungan berlangsung di Bangunan Kementerian Pertahanan, Bolkiah Garison.

## Qatar raikan Sambutan Hari Kebangsaan



**MENTERI** Kesihatan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Md. Isham bin Haji Jaafar (kanan) sama-sama memotong kek sempena meraikan Sambutan Hari Kebangsaan Qatar pada Majlis Resepsi yang berlangsung di Indera Samudra Grand Hall, The Empire Brunei.

Berita dan Foto : Hernie Suliana Haji Othman

**JERUDONG**, Isnin, 9 Disember. - Hubungan diplomatik di antara Negara Brunei Darussalam dan Qatar sejak 2 Oktober 1991 telah menyaksikan pertumbuhan yang stabil di mana ia bersandarkan kepada persaudaraan dan persahabatan sejati.

Sehubungan itu, Kedutaan Qatar di negara ini meraikan Sambutan Hari Kebangsaan Qatar pada Majlis Resepsi yang berlangsung di Indera Samudra Grand Hall, The Empire Brunei.

Hadir mewakili Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam selaku tetamu kehormat ialah Menteri Kesihatan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Md. Isham bin Haji Jaafar.

Majlis dimulakan dengan Lagu Kebangsaan Negara Brunei Darussalam diikuti dengan Lagu Kebangsaan Qatar yang dinyanyikan oleh para pelajar Sekolah Ugama Arab Perempuan

Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha.

Duta Besar Istimewa dan Mutlak Qatar ke Negara Brunei Darussalam, Tuan Yang Terutama Jassim Ali Abdulla Al Obaidi seterusnya menjemput tetamu kehormat bagi acara memotong kek sempena Hari Kebangsaan Qatar yang juga disertai oleh Kuasa Usaha Sementara Kedutaan Kesultanan Oman, Tuan Mahmood Khamis Mohamed Al-Hinai dan Kuasa Usaha Sementara Kedutaan Kuwait, Tuan Ali Al-Astad.

Majlis juga diserikan dengan tayangan video mengenai profil negara dan perkembangan Qatar.

Qatar menyambut Hari Kebangsaannya setiap 18 Disember dan slogan 'Al Maali Kaydah' bererti 'the path to excellence is difficult'

yang diilhamkan dari salah sebuah puisi karya Pengasas Qatar telah dipilih sebagai slogan Sambutan Hari Kebangsaan Qatar.

## Majlis penutup Program Perkhemahan Hijrah Mahabbah Lillah

Berita dan Foto : Wan Mohamad Sahran Wan Ahmadi

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Selasa, 10 Disember. - Program Perkhemahan Hijrah Mahabbah Lillah yang disertai lebih 100 peserta belia iaitu 62 lelaki dan 40 perempuan berakhir dengan Majlis Penutup dan Penyampaian Sijil berlangsung di Auditorium Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA).

Hadir selaku tetamu kehormat dan seterusnya menyampaikan sijil kepada para peserta di sini ialah Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Mulia Pengiran Dato Seri Paduka Haji Bahrom bin Pengiran Haji Bahar, selaku Ahli Lembaga Pengarah Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah. Juga hadir, Rektor UNISSA, Dr. Haji Norarfian bin Haji Zainal.

Pada majlis berkenaan, ceramah motivasi bertajuk 'Cahaya Penyuluhan Kehidupan' antara lain menerangkan bahawa setiap hamba Allah Subhanahu Wata'ala memerlukan cahaya petunjuk hidayah daripada Allah Subhanahu Wata'ala yang mana tanpanya kehidupan akan menjadi sengsara dan sia-sia. Allah Subhanahu Wata'ala telah menyifatkan zat diri-Nya sebagai sumber segala kuasa dan kekuatan yang Maha Mengetahui setiap perjalanan hamba-hamba-Nya.

Pensyarah Fakulti Syariah dan Undang-undang UNISSA, Dr Widad binti Haji Abdul Aziz dalam ceramahnya seterusnya menjelaskan kebergantungan manusia kepada kuasa mutlak Allah Subhanahu Wata'ala dan cahaya petunjuk-Nya dengan hati yang suci menjamin kebahagiaan hakiki di dunia dan akhirat.

Majlis itu juga meraikan Khatam Al-Quran bagi para peserta program yang yang berjaya menamatkan pembacaan 30 juz kitab suci Al-Quran.

Menyedari peranan golongan belia dalam pembangunan agama, bangsa dan negara, mereka perlu dipersiapkan dengan ilmu pengetahuan dan kemahiran untuk memikul tanggungjawab sebagai pewaris pemimpin di masa akan datang.

Ke arah tujuan tersebut, Yayasan telah melaksanakan beberapa usaha dalam mempertingkatkan penglibatan dan penyertaan belia dalam pembangunan masyarakat dengan menyediakan berbagai-bagi skim dan program seperti program perkhemahan belia.

Sehubungan itu, bersemesta mengisi waktu luang di musim cuti penggal akhir persekolahan tahun ini, Yayasan mengendalikan secara berkolaborasi bersama Kumpulan Al-Qudwah, iaitu terdiri daripada mahasiswa dan mahasiswa UNISSA selama empat hari bermula dari 7 Disember yang lalu.

Penyertaan program yang

mengetengahkan tema 'Cahaya Penyuluhan Kehidupan 2.0' terdiri daripada beberapa buah sekolah yang berumur antara 14 hingga 17 tahun dengan tujuan untuk meningkatkan keimanan dan jati diri para peserta melalui pendekatan Al-Quran dan As-sunnah, serta menanamkan sikap bertanggungjawab dan amanah di samping menguji kemampuan dan ketahanan mental, emosi dan fizikal setiap peserta.

Pelbagai aktiviti dijalankan di sepanjang program tersebut antaranya ceramah motivasi, bengkel kerohanian, aktiviti kepimpinan, gotong royong, sukan dan riadah.



**TIMBALAN** Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Mulia Pengiran Dato Seri Paduka Haji Bahrom bin Pengiran Haji Bahar (dua, kanan) hadir pada Majlis Penutup dan Penyampaian Sijil Program Perkhemahan Hijrah Mahabbah Lillah (atas). Sementara gambar bawah, Yang Mulia Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama ketika menyampaikan sijil kepada salah seorang peserta program tersebut.

